

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]

SOALAN : 35

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah jumlah kes kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948 yang telah diselesaikan oleh pihak SKMM berkaitan dengan fitnah yang ditaburkan di media sosial dan apakah bentuk tindakan atau hukuman yang dikenakan ke atas mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memperkukuhkan mekanisme kawal selia Internet dan media baru, Kerajaan telah menubuhkan satu **Jawatankuasa Khas Membanteras Penyalahgunaan Media Sosial** yang dipengerusikan oleh YB Menteri Komunikasi dan Multimedia dan dianggotai oleh pihak Kementerian, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Jabatan Peguam Negara (AGC).

Jawatankuasa Khas ini ditubuhkan untuk memastikan tindakan tegas akan dikenakan terhadap pihak yang menggunakan media sosial dengan tujuan untuk menyemai kebencian terhadap institusi kerajaan

SOALAN NO: 35

dan bagi mengelakkan media sosial daripada menjadi punca pencetus kekacauan melalui penyebaran pembohongan, kebencian dan kumpulan ekstremis agama. Selain daripada itu jawatankuasa berperanan memperkukuhkan koordinasi dan jalinan kerjasama antara agensi bagi memantau dan membanteras isu-isu berkaitan penyalahgunaan Internet dan media baru.

Sejak penubuhan jawatankuasa tersebut pada Januari 2016, sebanyak 52 laman telah disekat dan 14 kes telah disiasat, oleh MCMC di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Secara keseluruhan, sehingga Februari 2016, sebanyak 22 kes (TBC) telah disiasat oleh MCMC terhadap penyalahgunaan internet dan media baru, dan 399 laman telah disekat. Antara laman-laman web yang disekat termasuklah laman-laman web perjudian, penipuan, pelacuran, serta laman-laman web yang memaparkan kandungan lucah, jelik, palsu dan sebagainya.